

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang
[Marang]

TARIKH : 25 Oktober 2016

SOALAN : Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah
langkah Kementerian untuk menampung kos
input pertanian (benih, baja, racun, jentera)
yang meningkat menyebabkan hasil padi
yang diperoleh tidak dapat menampung kos
pengeluaran dan perbelanjaan harian yang
ditanggung oleh petani dan setakat manakah
keberkesanan mekanisme tersebut

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa prihatin akan keadaan yang dihadapi oleh pesawah terutama apabila berlaku kenaikan kos input pertanian. Sehubungan itu, Kerajaan menyediakan bantuan melalui penyaluran subsidi bagi setiap tahun. Input pertanian dan insentif yang diberikan dalam program subsidi di bawah sub sektor padi dan beras merupakan komponen penting dalam usaha mengurangkan kos pengeluaran padi yang ditanggung oleh pesawah sekaligus menggalakkan pesawah untuk menanam padi yang merupakan makanan ruji negara.

Bagi tahun 2016, sebanyak RM1.2billion subsidi dan insentif input pertanian telah diperuntukan yang memberi manfaat kepada 175,000 pesawah di seluruh Malaysia iaitu seperti berikut:-

PERUNTUKAN BAGI SUBSIDI DAN INSENTIF DI BAWAH SUBSEKTOR PADI DAN BERAS BAGI TAHUN 2016

Bil	Subsidi/ Insentif	Peruntukan (RM juta)
1	Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)	465
2	Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP)	563

3	Insentif Benih Padi Sah (IBPS)	85
4	Skim Baja Racun Padi Bukit (SBRBP)	70
5	Insentif Input Pengeluaran Padi (IIPP)	112
JUMLAH		1,295

Berdasarkan prestasi pencapaian 2013 dan 2014, bantuan subsidi dan insentif tersebut telah berjaya meningkatkan pengeluaran padi sebanyak 244,905 tan metrik iaitu 9.4% iaitu daripada 2,603,654 tan metrik pada tahun 2013 kepada 2,848,559 tan metrik pada tahun 2014. Manakala pada tahun 2015, hasil pengeluaran padi meningkat sebanyak 389,663 tan metrik iaitu 13.68% kepada 3,238,222 tan metrik. Peningkatan hasil tersebut adalah hasil daripada kesungguhan para petani mengusahakan tanah sawah mereka di samping pelbagai bentuk bantuan yang berterusan daripada pihak Kerajaan untuk membantu mengurangkan beban pesawah sekaligus meningkatkan pendapatan pesawah.